# Sarawak timbang wujud pusat songket di seluruh negeri

## Kewujudan Pusat Songket Sarawak sebagai salah satu usaha menjadikan penghasilan kain tenunan itu satu industri

Oleh Patricia Gari

**KUCHING: Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg berkata Sarawak mempertimbang untuk mewujudkan Pusat Songket Sarawak di seluruh Sarawak dalam usaha menjadikan penghasilan kain tenunan itu satu industri di negeri ini.**

"Kita boleh menggalakkan songket atau mana-mana produk budaya lain seperti Pua Kumbu sebagai industri. Untuk melakukan ini, kita boleh mewujudkan pusat songket di seluruh negeri yang menawarkan ruang untuk pengeluaran, pendidikan dan latihan.

"Ini tidak hanya akan menyuntik rangsangan tenaga kepada ekonomi tempatan tetapi menyediakan tempat kepada setiap komuniti membiasakan diri dengan seni songket," katanya ketika berucap pada Anugerah Komuniti dan Warisan Budaya Tidak Ketara (ICH) Kemanusian di sini malam kelmarin.

Abang Johari berkata pusat songket itu boleh menjadi koperasi yang membantu memasarkan Songket Sarawak sebagai satu produk.

Langkah itu katanya akan membolehkan komuniti mempertahankan industri songket masing-masing dan lebih kreatif memasarkan songket keluaran mereka.

"Kita mesti bertanya, bagaimana hendak menggalakkan pasaran dan permintaan terhadap songket? Pengeluaran satu perkara, tetapi tanpa pasaran, songket akan kekal di tampuk lama, dari sudut pandangan ekonomi," ujarnya.

Beliau berkata bagi membantu meningkatkan permintaan terhadap fabrik tenunan itu, penggunaan songket semasa majlis negeri atau acara rasmi perlu digalakkan masalah semasa persembahan tradisional seperti silat atau tarian.

Menurutnya kelebihan songket bergantung kepada kebolehan menggabungkannya dengan produk lain, ia tidak terhad kepada samping atau sarung tetapi motifnya boleh digunakan dalam penghasilan dompet, pelitup separuh muka dan hiasan meja.



**UNTUK ALBUM: Abang Johari (barisan belakang, lima kiri) merakam kenangan bersama penerima-penerima Anugerah ICH. Turut kelihatan (barisan belakang dari tiga kiri) Abdul Karim, Juma'ani, Asfia, Jisung dan Mazuki.** — Gambar Penerangan

"Motif songket juga boleh didigitalkan. Industri kreatif berpeluang menyumbang kepada kelestarian songket menerusi inovasi dan pendigitalan penghasilan motifnya.

"Jadi, di sini kita melihat bagaimana Warisan Budaya Tidak Ketara, tidak hanya berkisar kepada usaha memelihara dan memulihara warisan berharga kita tetapi diiktiraf di peringkat global.

"Selain melihat membolehkan komuniti mewujudkan peluang ekonomi daripada warisan ini. Apabila usaha memelihara dan mempunyai nilai ekonomi berjalan seiring, maka kita dapat memastikan kesinambungan serta kelestarian ICH kita dari generasi ke generasi," katanya.

Ini katanya juga selaras dengan Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 2030 (PCDS 2030) bertujuan memastikan kelestarian sumber negeri.

Beliau berkata dengan memberi nilai tambah dan mengembangkan rantaian songket Sarawak, pengamal diberi peluang terlibat sama dalam mewujudkan masyarakat berpendapatan tinggi menjelang 2030.

"Jika kita boleh melakukan ini, saya percaya Songket Sarawak bukan lagi 'produk kampung' tetapi produk dunia yang boleh dijual dengan harga tinggi.

> "Ini tidak hanya akan menyuntik rangsangan tenaga kepada ekonomi tempatan tetapi menyediakan tempat kepada setiap komuniti membiasakan diri dengan seni songket."
>
> **Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg**
> *Premier Sarawak*

"Ini harapan saya dan saya yakin suatu hari nanti kita akan sampai ke tahap itu jika kita fokus membangunkan songket sebagai produk global," katanya.

Mengenai majlis itu, Abang Johari berkata ia satu penghormatan kepada Sarawak kerana diberi kepercayaan untuk menganjurkannya buat julung kali.

"Anugerah ini diwujudkan dengan objektif yang cukup mulia, iaitu menggalakkan pengamal Warisan Budaya Tidak Ketara seperti Songket Sarawak mengekal seterusnya menambah baik kualiti atau memperhalusi amalan mereka.

"Anugerah ini juga memberi peluang kepada kita untuk menjenamakan Songket Sarawak diiktiraf di peringkat dunia," katanya.

Hadir sama isteri Premier Sarawak Puan Sri Datuk Amar Juma'ani Tuanku Bujang, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak Datuk Amar Mohamad Asfia Awang Nassar, Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Dato Sri Abdul Karim Rahman Hamzah, Ketua Pengarah Pusat Rangkaian dan Maklumat Antarabangsa untuk Warisan Budaya Tidak Ketara di Wilayah Asia Pasifik, Kim Jisung dan Presiden Persatuan Pengamal Seni dan Budaya Malaysia (MACPA), Mazuki Tambi.

# Abang Johari terima Anugerah Kemanusiaan ICHCAP bangun warisan budaya tidak ketara

**KUCHING:** Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg menerima Anugerah Kemanusiaan daripada Pusat Rangkaian dan Penerangan Warisan Budaya Tidak Ketara di Wilayah Asia Pasifik (ICHCAP) di bawah Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Budaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Anugerah yang disampaikan Ketua Pengarah ICHCAP Kim Jisung pada Majlis Anugerah Komuniti dan Kemanusiaan ICH di sini malam kelmarin bagi menghargai sumbangan Abang Johari dalam memberi bimbingan serta contoh kepimpinan terbaik membangunkan warisan budaya tidak ketara di Sarawak.

Pada majlis yang julung kali diadakan di Sarawak itu juga, ICHCAP menganugerahkan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Dato Sri Abdul Karim Rahman Hamzah Anugerah Kemanusian atas usaha cemerlang dan idea-idea inovatif beliau melindungi ICH di negeri ini, sementara isteri Premier Sarawak Puan Sri Datuk Amar Juma'ani Tuanku Bujang menerima Anugerah Kemanusiaan (The Most Felicitous) untuk inovasi dan usahanya mempromosikan Songket Sarawak.

Manakala 30 lagi individu menerima Anugerah Komuniti atas dedikasi dan sumbangan mereka mengekalkan keunikan serta kecantikan Songket Sarawak.

Mereka ialah Siti Hawa Saleh, Sahad Musili, Norzianah Adam, Mastuyah Ladi, Salmiah Aba, Jauyah Kipli, Siti Ardzina Zemi, Jaenah Ojeh, Halimah Omar, Siti Hasma Husaini, Jaoyah Razali, Akmarwati Bujang, Sa'anah Suhaili, Ramtiniwaiti Ramlee, Kersom Abu Bakar, Habibah Ahim, Dayang Aminah Awang Ahim, Dayang Masnah Awang Ahim, Mariam Kadir, Masparina Salleh, Nor Madiah Salleh, Zainab Abdulah, Hasline Bujang, Noraini Taham, Kertinah Abdul Karim, Masni Tangah, Rozita Adam, Dayang Norsalam Pengiran Persih, Dayang Masalmah Abang Nor Salleh dan Faridah Pea.

Terdahulu, Abdul Karim dalam ucapan aluannya berkata, motif dan elemen songket di Malaysia boleh dijadikan salah satu warisan budaya tidak ketara bagi memastikan bentuk asalnya dapat dikenal pasti.

"Sebagai ICH, motif songket 'pucuk rebung' akan sentiasa dikenali sebagai 'pucuk rebung' tidak kira ia mungkin digabungkan dengan reka bentuk digital atau corak tekstil. Kita akan dapat melindungi sejarah dan nilai budayanya, maka asal usulnya tidak lenyap begitu sahaja dengan karya terbitan dan kepelbagaian.

"Bukan itu sahaja, disebabkan songket dapat dilihat di wilayah berbeza, kewujudannya boleh mempromosi dan membantu membangunkan dialog antara budaya, yang seterusnya melahirkan rasa saling menghormati pelbagai budaya.

"Ini semestikan antara manfaat adanya ICH. Ia membolehkan kita menyedari kita tidak jauh berbeza antara satu sama lain, tidak kira asal usul kita," tambahnya.

Abdul Karim yang juga Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Keusahawanan berkata, Kuching amat berbangga dan berbesar hati kerana dipilih tuan rumah majlis Anugerah Komuniti dan Kemanusiaan ICH buat pertama kali.

"Kita hanya negeri kecil di Khatulistiwa, jadi pemilihan kita untuk menganjurkan majlis ini sudah tentu dicatat dalam buku sejarah kita," sambil menambah anugerah tersebut merai dan mengiktiraf mereka yang telah memberi sumbangan besar kepada pembangunan juga kelestarian ICH di Malaysia.

BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD 200801010522 (811810-U)

AGRO BANK

MODAL KERJA-i

• PEMBELIAN BELIAN • PEMBELIAN JUALAN • PEMBIAYAAN TUNAI

Kredit pusingan jangka pendek yang disediakan untuk membiayai keperluan modal kerja bagi perniagaan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam sektor pertanian dan aktiviti asas tani.



Jumlah pembiayaan bermula dari RM50,000.00

Tempoh pembiayaan sehingga maksimum 365 hari

Entiti perniagaan yang diperbadankan/didaftarkan di Malaysia termasuk:
• Milikan Tunggal
• Perkongsian
• Syarikat
• Perkongsian Liabiliti Terhad
• Persatuan
• Koperasi

IMBAS KOD QR UNTUK MAKLUMAT LANJUT

• Untuk maklumat lanjut berhubung produk tersebut, pelanggan boleh menghubungi Pusat Panggilan Agrobank di talian 1-300-88-2476 atau layari laman sesawang korporat kami di www.agrobank.com.my atau kunjungi cawangan kami yang terdekat dengan mematuhi Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara
• Tertakluk pada terma dan syarat • Cetakan: Jun 2022

www.agrobank.com.my www.facebook.com / Agrobank @AgrobankMy AgrobankTV